



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN LABUAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Encik Mohd Sukuran bin Taib, 52 tahun, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang baharu, berkuat kuasa mulai 15 November 2024, selaras dengan Subseksyen 10(1), Akta Perbadanan Labuan 2011 (Akta 609). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Perancangan Perumahan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Encik Mohd Sukuran memiliki pengalaman luas dalam bidang perancangan bandar selama 29 tahun. Sepanjang perkhidmatan, beliau memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan fizikal negara, khususnya melalui jawatan terakhir beliau sebagai Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Dengan pelantikan ini, saya yakin beliau mampu menerajui Perbadanan Labuan dengan penuh integriti dan dedikasi. Pengalaman dan kepakaran beliau akan memastikan kesinambungan pembangunan yang mampan serta memacu kecemerlangan Wilayah Persekutuan Labuan, seiring dengan pembangunan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, berlandaskan Rancangan Struktur Labuan 2040.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Rithuan bin Haji Ismail atas kepimpinan dan sumbangan beliau sepanjang menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)
15 NOVEMBER 2024